

SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN 04/ 2022

**BENKEL DAN PEPERIKSAAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)
BAGI TAHUN 2022**

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan tersebut di atas.

Syarat-syarat untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan adalah seperti berikut:

1. SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S);
- 1.2 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Perhubungan Awam yang dipersyaratkan untuk menduduki dan lulus peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB);
- 1.3 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang mahu mengikuti bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB).

2. SYARAT LAIN


- 2.1 **PEGAWAI YANG MEMOHON** untuk menduduki peperiksaan dimestikan mengikuti bengkel dan seterusnya menduduki peperiksaan ;
- 2.2 Pegawai yang pernah menduduki peperiksaan MIB tetapi gagal, adalah dikehendaki untuk mengikuti bengkel sebelum menduduki peperiksaan.

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.3

Tarikh : 07 Jamadilakhir 1443 / 10 Januari 2022

Muka surat 1/3

M



3. JADUAL BENGKEL DAN PEPERIKSAAN

BENGKEL	PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PENERIMAAN BORANG	TEMPAT
20 -21 Jun 2022 Isnin dan Selasa	25 Jun 2022 Sabtu	19 Mei 2022 Khamis	Akan dimaklumkan kemudian
29 – 30 Ogos 2022 Isnin dan Selasa	03 September 2022 Sabtu	28 Julai 2022 Khamis	

** Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.

4. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 4.1 Pemohon hendaklah mengisi Borang Permohonan dengan **lengkap dan teratur**. Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di www.ipa.gov.bn ;
- 4.2 Pemohon boleh menghadapkan Borang Permohonan terus ke Jabatan Perkhidmatan Awam di :

**Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan, BA1311
Negara Brunei Darussalam**

atau e-mel:

exam.hrsu@psd.gov.bn


- 4.3 Pemohon **HENDAKLAH MEMASTIKAN** salinan Borang Permohonan dihadapkan kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk mendapatkan kebenaran kelonggaran masa apabila mengikuti bengkel pada waktu bekerja ;
- 4.4 Borang Permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup ;
- 4.5 Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima **TIDAK AKAN DILAYAN.**

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.3

Tarikh : 7 Jamadilakhir 1443 /10 Januari 2022

Muka surat 2/3

12



5. HAL – HAL LAIN

- 5.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon/peserta bagi setiap bengkel dan peperiksaan yang dijalankan ;
- 5.2 Pemohon yang terpilih akan dimaklumkan melalui **E-MEL**. Nombor Indeks, tarikh, masa dan tempat peperiksaan akan dimaklumkan melalui laman web Jabatan Perkhidmatan Awam di **www.jpa.gov.bn** ;
- 5.3 Pemohon/peserta hendaklah menghadapkan surat makluman atas ketidakhadiran untuk menghadiri bengkel dan menduduki peperiksaan **satu (1) minggu** sebelum tarikh bengkel/peperiksaan dijalankan. Bagi hal/alasan/masalah yang diluar jangkaan hendaklah menghadapkan surat tunjuk sebab ke Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lewat **satu (1) minggu** selepas tarikh bengkel/peperiksaan ;
- 5.4 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas pemohon yang **TIDAK HADIR / MENARIK DIRI** tanpa makluman dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan tempoh mendaftar semula bengkel/peperiksaan yang mana difikirkan bersesuaian.

6. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

وَاللَّهُ لِيُوفِّيكَ

*'Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara'
"Rakyat Bersepadu Menjaga Kesihatan Bersama"*

[DR. NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.3

Tarikh : 7 Jamadilakhir 1443 / 10 Januari 2022

Muka surat 3/3